

**NO SOALAN : 48**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA  
MOHAMAD IMRAN BIN ABD  
HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 11.3.2015  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah hukuman yang dikenakan ke atas Mejar Zaidi TUDM setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan adakah pihak Kementerian Pertahanan mengambil kira jasa yang telah beliau sumbangkan semasa dalam perkhidmatan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berdasarkan kepada Akta Angkatan Tentera 1972, seksyen hukuman bagi pegawai yang didapati bersalah oleh Mahkamah Tentera adalah seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 89. Namun begitu kuasa menghukum mahkamah juga tertakluk kepada seksyen pertuduhan. Dalam kes Mej Zaidi, hukuman maksima yang boleh dijatuhkan adalah penjara selama 2 tahun atau hukuman lain yang lebih ringan. Hukuman dibuang dari perkhidmatan Seri Paduka Baginda yang dikenakan terhadap Mej Zaidi adalah setimpal dengan kesalahan dan merupakan hukuman yang lebih ringan berbanding dengan penjara dan dibuang dengan keji dari perkhidmatan Seri Paduka Baginda. Mahkamah juga telah menimbangkan perkara-perkara seperti rekod perkhidmatan, jangkamasa perkhidmatan dan lain-lain sumbangan beliau kepada negara sebelum menjatuhkan hukuman.